

# Dua isteri ditahan jadi saksi suami tanam anak

## Kes terbongkar selepas polis temui rangka, tengkorak budak

Oleh Rudy Syareme Sheriffudin  
[bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

**G** EORGETOWN: Polis semalam menahan dua isteri seorang lelaki yang disyaki mendera, membunuh dan menanam mayat anak perempuannya di satu kawasan padang di Air Itam di sini, kira-kira tiga tahun lalu.

Kedua-dua wanita berusia 31 dan 37 tahun itu, termasuk seorang daripadanya ibu kepada mangsa ditahan di depan sebuah restoran di Air Itam, jam 1 pagi.

Mangsa yang juga kanak-kanak istimewa, dibunuh ketika berusia tujuh tahun dan adalah anak keenam kepada isteri berusia 37 tahun. Suspek yang berusia 41 tahun mempunyai 14 anak daripada

kedua-dua isterinya.

Ketua Siasatan Jenayah Negeri, Senior Asisten Komisioner II Wan Abdullah Tuanku Said, berkata penahanan kedua-dua isteri suspek adalah bagi membantu siasatan kes berkenaan.

"Ini antara lain, untuk memastikan sama ada menge-

**“** *Kedua-dua wanita itu direman tiga hari mulai semalam dan polis juga lanjutkan tahanan reman ke atas bapa mangsa hari ini”*

**Wan Abdullah**

**Tuanku Said**

Ketua Siasatan Jenayah  
Pulau Pinang

tauhi atau tidak kes penderaan dan kehilangan anak mereka sejak beberapa tahun lalu.

"Kedua-dua wanita itu direman tiga hari mulai hari ini (semalam) dan polis juga melanjutkan tahanan reman ke atas bapa mangsa sehingga esok (hari ini)," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Lelaki itu juga disiasat atas dakwaan melakukan penderaan fizikal dan seksual ke atas tiga lagi anak perempuannya.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul dan juga Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Perbuatan lelaki itu terbongkar selepas polis mene-

rima aduan daripada pihak gereja mengenai penderaan yang dikatakan dilakukan oleh suspek terhadap anak-anaknya.

Bertindak daripada aduan itu, polis menyoal siasat adik beradik mangsa.

Hasilnya, polis mendapati mangsa didera dan dibunuh bapanya sebelum mayatnya diikat dan ditanam di kawasan padang di Kampung Pisang, Air Itam di sini. Suspek menanam mayat anaknya bersama seorang anak lakinnya yang berusia 16 tahun.

Bagaimanapun, rahsia keluarga itu terbongkar kelmarin selepas polis menggali dan menemui tulang rangka manusia termasuk tengkorak dipercayai milik kanak-kanak berkenaan.